



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

UiTM *di hatiku*

MAY 2024

INFO 83rd ISSUE

KAMPUS

UiTM Sarawak Bulletin



The 2nd International Conference
On Innovative Sciences &
Technologies For Research &
Education (Innostre)

ReQaseni Art Exhibition
17th Edition: ENIGMA

Lawatan rasmi:
Profesor Datuk Teknologis
(Ts.) Dr. Hajah Roziah Mohd Janor



Building Bridges Through International
Mobility: A Joint Program between
UiTM & Mulawarman University
Indonesia

Perlaksanaan E-Program Kepimpinan Pewaris Bangsa (E-PKPB) UiTM Sarawak Kampus Mukah

Disediakan oleh
Siti Farah Lajim, Ahmad Faisal Mahdi, Yahutazi Chik dan Juriah Japar

Pada Semester Oktober 2021 – Februari 2022, Unit Kepimpinan Pelajar UiTM Sarawak Kampus Mukah telah berjaya menganjurkan modul-modul di bawah Program Kepimpinan Pewaris Bangsa (PKPB) iaitu Modul Kepimpinan Profesional (MKP), Modul Kepimpinan Survival Bangsa (MKS) dan Modul Kepimpinan Ikon (MKI) seiring norma baharu iaitu secara maya dengan menggunakan aplikasi *Google Meet* sebagai usaha membentuk pemimpin yang berwibawa untuk meneruskan kelangsungan agama, bangsa dan tanahair. Para peserta terdiri dari mahasiswa dan mahasiswi yang mempunyai potensi untuk menjadi pemimpin di kalangan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), kelab, persatuan dalaman pelbagai program dan juga badan beruniform. Para peserta didedahkan dengan aktiviti-aktiviti yang menjalin perpaduan, kerjasama dan kemahiran komunikasi agar mahasiswa dapat membina ketrampilan sebagai seorang pemimpin yang mempunyai jati diri yang tinggi.

E- Modul Kepimpinan Profesional (EMKP) yang telah dilaksanakan pada 8 – 9 Januari 2022 memberi peluang peserta menjalankan kajian lapangan secara maya menggunakan platform *Google Meet* berdasarkan tempat tinggal peserta seperti kawasan Permyjaya, Miri dan Pagoh, Johor. Kemudian, peserta akan mengulas dan memberi pelbagai cadangan penyelesaian yang realistik dan bermanfaat di dalam kertas cadangan pelan pembangunan sosio ekonomi bagi mengatasi masalah tersebut. Sepanjang aktiviti ini dijalankan pelbagai input baru terutamanya isu-isu di luar kawasan Mukah telah dikongsikan bersama para peserta yang berkaitan dengan permasalahan yang dihadapi masyarakat setempat. Peluang sebegini banyak membuka minda pelajar apabila berpeluang berinteraksi dengan masyarakat luar walaupun sesi perbincangan dilakukan secara maya.



Fasilitator yang terlibat dalam pengurusan program kendalian Unit Kepimpinan Pelajar (UKP) UiTM Kampus Mukah

E- Modul Kepimpinan Survival Bangsa (EMKS) telah dilaksanakan pada 23 Januari 2022 di mana peserta banyak menyertai permainan atas talian yang berasaskan pemikiran kreatif dan kritis, penyelesaian masalah dan kemahiran kerja berpasukan seperti permainan kapal karam, *Scavenger Hunt*, *Online Explorace*, *Einstein Riddle* dan sebagainya. Modul ini diakhiri dengan forum interaksi "Teraju Minda" di mana ianya memberi peluang kepada peserta untuk berbincang secara terbuka, baik sesama mereka mahupun dengan para fasilitator mengenai isu semasa yang diketengahkan dalam forum tersebut. Modul ini merupakan suatu usaha membentuk individu agar memahami tanggungjawab mereka sebagai mahasiswa dan mengetahui peranan mereka sebagai pewaris kepimpinan bangsa.

E- Modul Kepimpinan Ikon (EMKI) pula telah dilaksanakan sewaktu cuti semester pada 17 – 22 Mac 2022. Modul ini membimbing pelajar dalam penyediaan kertas kerja aktiviti dengan format yang tepat serta memberi pendedahan tentang peranan dan tanggungjawab Jawatankuasa Pengurusan Majlis. Sesi Webinar "Bicara Ikon" turut dijalankan dengan menjemput jempunan khas iaitu mantan Yang DiPertua Majlis Perwakilan Pelajar, saudara Mohammad Syafiq Bin Mat Nazari di mana beliau berkongsikan pengalaman serta tips dan nasihat beliau dalam pengurusan aktiviti pelajar di UiTM. Selain itu, peserta juga didedahkan tentang protokol dan etika di dalam pengurusan acara. Antara para fasilitator yang terlibat dalam menjayakan e-program kali ini adalah terdiri dari Encik Yahutazi Chik, Encik Ahmad Faisal Bin Mahdi, Encik Norzuandi Ibrahim, Puan Imelia Laura Anak Daneil, Puan Juriah Japar dan Puan Siti Farah Lajim.



Salah satu aktiviti yang telah dijalankan semasa e-modul berlangsung